

# MEDAN BAHASA

## Memperkaya Perbendaharaan Buku-buku Melayu

“... Pekerjaan mengarang atau menterjemah itu hendaklah dipandang sebagai satu tugas nasional terhadap usaha kemajuan dan perkembangan bahasa Melayu. Kalau tidak orang cerdik pandai Melayu sendiri maka siapa lagi?” kata saudara Ali Haji Ahmad B.H. dalam ucapan radio anjuran “Dewan Bahasa dan Pustaka” yang disiarkan pada 8 Julai yang lalu. Ucapannya itu kita hidangkan di sini dengan sepenuhnya – Pengarang Qalam.

(Oleh: Ali Haji Ahmad, B.H.)

Sebagaimana telah sama-sama kita maklumi, bahasa Melayu adalah satu bahasa yang telah tua umurnya; bukan baharu beratus tahun sahaja tetapi telah beribu tahun umurnya. Dari sebagai bahasa yang mudah, bahasa Melayu telah maju dan berkembang selari dengan kemajuan dan perkembangan masyarakat dan bangsa Melayu. Di dalam empayar Srivijaya dan empayar Melayu yang berpusat di Melaka, bahasa Melayu adalah dipergunakan seratus peratus sebagai bahasa kebangsaan; ia bukan sahaja dipergunakan oleh rakyat jelata di peringkat-peringkat perhubungan mengenai urusan pemerintahan negeri, perhubungan dengan negeri-negeri dan bangsa-bangsa asing dan juga dipergunakan dalam lapangan perbukuan Melayu. Alam perbukuan Melayu adalah kaya – kaya yang saya maksud – di sini ialah dengan menggunakan ukuran bagi zaman itu sendiri. Kita ada banyak buku-buku bersangkutan dengan kesusasteraan dan lain-lain.

Apabila penjajahan politik bercengkam di bumi Malaya maka penjajahan itu menjangkau di lapangan ekonomi dan kebudayaan. Bahasa Melayu telah dengan beransur-ansur ditindas dan diketepikan. Bahasa Melayu tidak lagi pada hakikatnya menjadi bahasa rasmi negara. Tempatnya telah digantikan oleh bahasa Inggeris, bahasa kuasa yang menjajah Malaya. Oleh yang demikian maka merosotlah nilai bahasa Melayu ditinjau dari segi penggunaannya. Oleh kerana kurang dan terbatas sangat penggunaannya maka tinggallah bahasa Melayu itu di takuk kemajuan dan perkembangan kurun enam belas, sedang masyarakat dan bahasa Melayu tetap terus menjalani proses sejarahnya ke kurun dua puluh. Sejarah berjalan terus sedang bahasa Melayu telah berhenti proses kemajuan dan perkembangannya di kurun enam belas. Inilah yang dikatakan kemunduran atau kecaciran bahasa Melayu oleh kita semua sekarang ini.

Persekolahan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar adalah setakat peringkat rendah sahaja, yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar adalah lengkap dengan peringkat menengah dan tingginya. Oleh yang demikian maka lengkaplah buku-buku bahasa Inggeris bagi semua lapangan dan peringkat, tetapi buku-buku dalam bahasa Melayu adalah hanya setakat peringkat rendah sahaja yang tidak seberapa banyak jumlahnya bagi penggunaan di sekolah-sekolah itu jua.

Oleh kerana nilai bahasa Melayu telah merosot maka kurang benarlah perhatian terhadapnya. Golongan terpelajar Inggeris lebih gemar membaca buku-buku bahasa Inggeris dan golongan terpelajar Arab lebih gemar membaca buku-buku bahasa Arab. Bahasa Melayu telah ditinggalkan di belakang. Hanya mereka yang tidak mengetahui atau tidak mahir dengan bahasa-bahasa asing itu sahaja yang membaca buku-buku dalam bahasa Melayu. Dengan demikian maka pasaran bagi buku-buku Melayu pun terbataslah kepada golongan masyarakat yang hanya mengetahui bahasa Melayu sahaja. Maka isi dan mutu buku-buku Melayu pun ikutlah untuk keperluan dan sedarjah dengan alam fikiran golongan pembaca yang tersebut ini. Maka penerbit-penerbit buku-buku Melayu pun hanya sanggup menerbitkan buku-buku yang sedemikian ini darjahnya, yakni rendah isi dan mutunya untuk pasaran yang sedemikian keadaannya. Hendak menerbitkan buku-buku yang berisi dan bermutu tinggi adalah tidak menguntungkan penerbit-penerbit itu sendiri kerana tidak ada pasaran untuknya. Golongan cerdik pandai tidak mahu membacanya. Jadi tidak ada penerbit-penerbit buku-buku Melayu yang menerbitkan buku-buku Melayu yang berisi dan bermutu tinggi dalam perkara-perkara ilmu pengetahuan dan lain-lain lagi.

Oleh kerana tiada penerbit yang sanggup menerbitkan

buku-buku Melayu yang berisi dan bermutu tinggi, maka kalau ada pun orang-orang cerdik pandai yang hendak mengarang atau menterjemahkan buku-buku ke bahasa Melayu, jadi terbentuklah cita-cita mereka itu. Maka tiadalah mereka mengarang atau menterjemahkan buku. Dengan demikian tiadalah bertokok perbendaharaan buku-buku Melayu – bertokok dengan buku-buku yang berisi dan bermutu tinggi, maksud saya.

Inilah setengah daripada sebab-sebab kemiskinan perbendaharaan buku-buku Melayu sekarang ini. Setelah menganalisis maka sekarang marilah kita mencari jalan-jalan yang praktikal memperkayakan perbendaharaan buku-buku Melayu, terutama sekali jalan-jalan yang kita semua dapat turut memberikan sumbangan.

Dahulu satu daripada faktor yang menyebabkan tidak dapat diterbitkan buku-buku Melayu yang berisi dan bermutu tinggi ialah ketiadaan pasaran. Hal ini sekarang telah berubah. Bahasa Melayu telah diakui dan sedang diusahakan menjadi bahasa rasmi dan kebangsaan di Malaya ini. dengan sendirinya nilai bahasa Melayu naik tinggi di mata umum. Banyak orang yang mahu membaca buku-buku Melayu dan masih banyak lagi yang sedang dan akan belajar bahasa Melayu. ini bererti semakin banyak jumlah pembaca buku-buku Melayu. Hendaknya hal ini menjadi satu pemberangsang penerbit-penerbit buku-buku Melayu. Dunia perbukuan Melayu hendaklah dipertingkatkan samada dari segi isi mahu pun teknik. Penerbit-penerbit dari bangsa Melayu hendaklah jangan takut bermodal besar untuk penerbitan yang lebih baik dan tinggi mutu dan isinya. Bayaran-bayaran kepada pengarang-pengarang dan penterjemah-penterjemah hendaklah diperbesarkan lagi sesuai dengan nilai bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan. Bayaran yang besar juga akan menggalakkan

lebih banyak lagi orang-orang cerdik pandai kita untuk mengarang dan menterjemah. Penerbit-penerbit dari bangsa Melayu sendiri hendaklah berani dan yang demikian menjadi pelopor dalam hal ini. Kalau selama ini penerbit-penerbit bangsa Melayu telah berjaya dan berjasa mengekalkan terus hidupnya proses alam persuratan Melayu maka sekarang ini mereka hendaklah pula menjadi pelopor bagi penerbitan buku-buku Melayu yang berisi dan bermutu tinggi.

Bangsa Melayu telah ada agak banyak bilangan orang-orang cerdik pandai yang mengetahui dan mahir bahasa-bahasa asing. Selama ini mereka tidak ambil berat tentang bahasa Melayu. Kalau ada pun, mereka tidak dapat hendak mengarang atau menterjemahkan buku-buku ke bahasa Melayu sebab tidak adanya orang-orang atau syarikat-syarikat yang sanggup menerbitkan hasil-hasil mereka itu. Tetapi sekarang hal ini telah berubah. Penerbit telah mula banyak yang sanggup menerbitkan buku-buku Melayu yang bermutu dan berisi tinggi. Maka semua orang cerdik pandai Melayu hendaklah mengarang atau menterjemahkan buku-buku ke bahasa Melayu. Walaupun mereka tidak hidup semata-mata dengan pekerjaan mengarang atau menterjemah tetapi pekerjaan ini dapatlah dibuat pada masa-masa lapang dari pekerjaan tetap sehari-hari. Dan pekerjaan mengarang atau menterjemah ini hendaklah dipandang sebagai satu tugas nasional terhadap usaha kemajuan dan perkembangan bahasa Melayu. Kalau tidak orang-orang cerdik pandai Melayu sendiri maka siapa lagi? Kalau banyak orang cerdik pandai Melayu serentak dari sekarang mengarang atau menterjemahkan buku-buku maka sudah pastilah dalam masa yang paling singkat sahaja perbendaharaan buku-buku Melayu akan kaya, sebagaimana yang diperbuat oleh orang-orang cerdik pandai Jepun dalam masa permulaan kebangkitan bangsanya dahulu.

Apabila perbendaharaan buku-buku Melayu telah kaya maka kayalah bahasa Melayu. Kaya bahasa adalah memudahkan kayanya alam fikiran bangsa Melayu, terutama sekali mereka yang hanya mengetahui bahasa Melayu sahaja. Kayanya alam fikiran bangsa Melayu menyebabkan pula lebih segeranya proses kemajuan bangsa Melayu dalam segala lapangan hidup di dunia ini.

Apabila bahasa Melayu telah kaya dan lengkap untuk penggunaan dalam segala lapangannya maka dapatlah ia menjadi bahasa rasmi dan kebangsaan dengan sepenuh-penuhnya dan sebenar-benarnya.

Kalau kita telah mengakui bahawa membela bahasa Melayu itu adalah kewajipan kita bersama maka kewajipan kita jugalah untuk memperkayakan perbendaharaan buku-buku Melayu. Kepada penerbit buku-buku Melayu saya berharap hendaklah tidak sahaja saudara-saudara menerbitkan buku-buku atau majalah-majalah seperti biasa, tetapi hendaklah saudara-saudara berusaha menerbitkan buku-buku yang sesungguhnya berisi dan bermutu tinggi dalam segala lapangan. Kepada orang-orang cerdik pandai Melayu pula saya berharap hendaklah jangan pandai berbicara mengatakan bahasa Melayu itu miskin dan perbendaharaan buku-bukunya miskin dan lain-lain sebagainya, tetapi hendaklah saudara-saudara turut sama memberikan sumbangan secara membina dengan mengarang dan menterjemah buku-buku Melayu.

Dewan Bahasa dan Pustaka tentulah dan memang sudah sewajarnya bergembira jika pihak-pihak yang bersangkutan ini berbuat sebagaimana yang saya harapkan ini. Dan saya fikir tentulah ia dapat memberikan kerjasamanya dengan penuh.